

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	RM17.9 Bilion pelaburan sektor Bioteknologi lepasi sasaran	Berita Harian
2	Pendapatan rakyat aspek penting pembentukan negara maju	Utusan Malaysia
3	Speeding it up	New Straits Times
4	Investments in bio-economy surpasses US\$5.6b	New Straits Times
5	Pelaburan industri berasaskan bio lepasi sasaran lebih sekali ganda - Najib	Bernamea.com
6	Malaysia gets international award	The Star
7	Malaysia terima pengiktirafan dunia dalam pembiakan mutasi tumbuhan	Bernamea.com
8	Kombinasi elemen sains, sastera	Kosmo
9	Perbankan internet selamat	Kosmo
10	Penjawat awam perlu amal budaya kerja berintegriti - KSN	Bernamea.com
11	Ribut petir di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Barat berterusan sehingga awal petang	Bernamea.com
12	Gempa sederhana landa Sumatera Utara	Bernamea.com
13	Empat lagi sistem amaran tsunami akan dipasang di Pantai Timur Sabah	Bernamea.com

RM17.9 BILION

PELABURAN SEKTOR BIOTEKNOLOGI LEPASI SASARAN



Najib melancarkan buku Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) selepas mempengerusikan Mesyuarat Tahunan keempat GSIAC, di New York, semalam.

» Syarikat berstatus BioNexus terus berkembang maju

Daripada Mahfar Ali, di New York
mafa@bh.com.my

Malaysia mencatat pencapaian membanggakan dalam merekodkan pelaburan diluluskan lebih AS\$5.6 bilion (RM17.9 bilion) sejak 2011.

Jumlah itu jauh melepasi sasaran AS\$2.7 bilion (RM8.64 bilion) yang ditetapkan untuk tempoh 2011-2015 di bawah fasa dua, Dasar Bioteknologi Nasional.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sehingga kini, 241 syarikat berstatus BioNexus terus berkembang maju di sebalik ketidakpastian pasaran.

"Hasil sebanyak AS\$237 juta (RM768.22 juta) yang diperoleh syarikat berstatus BioNexus itu sangat baik dan boleh ditingkatkan lagi menerusi usaha berterusan oleh semua pihak," katanya.

Berucap pada Mesyuarat Panel Penasihat Bio Antarabangsa (BIO-IAP) di sini,

Najib berkata, mesyuarat itu menyasar untuk mempunyai sekurang-kurangnya 20 syarikat BioNexus global menjelang 2020.

Potensi besar

Produktiviti syarikat berstatus BioNexus pada tahun 2013 pula berjumlah AS\$50,000 (RM160,000), pencapaian yang sangat menarik dan lebih tinggi berbanding purata negara bagi PKS sebanyak AS\$15,000 (RM48,000) setakat tahun 2012.

Perdana Menteri berkata, perangkaan itu menunjukkan potensi besar syarikat serta pentingnya aspek inovasi dan teknologi.

"Unjuran bioekonomi negara sangat optimistik. Syarikat BioNexus akan mempunyai kesan pemangkin ke atas pertumbuhan negara," katanya.

Najib juga yakin Program Peningkatan Bioekonomi Malaysia akan mewujudkan kesan berganda ke atas ekonomi dan memberi impak positif ke atas pendapatan dan kebajikan rakyat.

Program itu antara lain membabitkan usaha sama pemegang kepentingan

dengan koridor-koridor ekonomi, universiti, institusi penyelidikan, institusi kewangan dan kerjasama antara kementerian.

Program itu diperkenal dengan matlamat meningkatkan pendapatan rakyat di bandar dan luar bandar.

Tiga bidang tumpuan

Sehubungan itu, Najib berkata, kerajaan akan menimbang untuk memasukkan tiga bidang tumpuan dalam bioekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Bidang itu adalah Ubat-Ubatan Selular dan Sel Stem; Bio-kosmesetikal, Kesejahteraan dan Pharma Nutrisi; dan Kimia berasaskan Bio.

Ketika mempengerusikan mesyuarat tahunan Majlis Penasihat Global Sains dan Inovasi pula, Najib berkata, Malaysia sudah melaksanakan beberapa inisiatif yang

diputuskan dalam mesyuarat pertama pada tahun 2011.

Inisiatif itu termasuk membina keupayaan tenaga manusia, pembentukan Komuniti Pintar dan pembangunan ekonomi secara mampan.

FAKTA NOMBOR

RM8.64
bilion

sasaran ditetapkan untuk tempoh 2011-2015

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)

Pendapatan rakyat aspek penting pembentukan negara maju

NEW YORK 25 Sept. - Malaysia akan memastikan tahap pencapaian ekonomi rakyat lebih baik selaras dengan perancangan ekonomi negara beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan elemen penting ketika negara muncul sebagai sebuah ekonomi yang maju adalah pendapatan individu dan isi rumah rakyat turut kukuh.

"Kerajaan tidak mahu apabila kita mengumumkan negara muncul ekonomi berpendapatan tinggi pada 2020 kelak, rakyat menyatakan mereka pula tidak merasai apa-apa perubahan pun.

"Oleh itu dalam usaha kerajaan mengenal pasti ekonomi makro negara bagi merealisasikan negara muncul ekonomi berpendapatan tinggi, soal memantapkan ekonomi rakyat tidak akan dipinggirkan," tegas Perdana Menteri Najib ketika menyampaikan ucapan pada akhir Mesyuarat Tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) ke-4 di sini.

GSIAC yang diilhamkan oleh Najib pada 2011 adalah antara usaha untuk membawa Malaysia untuk muncul ekonomi berpendapatan tinggi dengan meningkatkan keupayaan Malaysia dalam sains dan inovasi.

Sambil mengunjurkan sains dan teknologi serta inovasi akan menjadi sumber utama bagi pertumbu-



NAJIB Tun Razak selepas sesi fotografi bersama Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) ketika hadir memperkerusi mesyuarat ke-4 GSIAC di Akademi Sains New York, semalam. - BERNAMA

han ekonomi negara, beliau melahirkan keyakinan bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk muncul negara berpendapatan tinggi berdasarkan pertumbuhan ekonominya yang mencatatkan 5,6

peratus tahun lalu dan 6,3 peratus bagi enam bulan pertama tahun ini.

Kadar pertumbuhan yang direkodkan itu adalah terbaik di kalangan negara ASEAN dalam konteks prestasi ekonomi.

"Dalam pada itu, kita tidak boleh pula terlalu berbangga dengan angka makro semata-mata kerana kita juga mahu setiap rakyat individu pada masa yang sama merasakan kesannya," jelas beliau yang juga Menteri Kewangan.

Ketika menyampaikan ucapan pembukaan mesyuarat yang diadakan di Akademi Sains New York, Pusat Dagangan Dunia (WTC) 7, Perdana Menteri berkata satu inisiatif tahap nasional - Sains kepada Tindakan (S2A) diperkenalkan bertujuan meningkatkan penggunaan sains dan teknologi untuk pembangunan industri dan kebajikan rakyat.

"S2A bermatlamat mencergaskan sains dan teknologi supaya ia mampu mencetuskan idea baharu dan menjadi strategi perubahan yang mampu mewujudkan pekerjaan dan kekayaan untuk rakyat," kata beliau.

Selain itu ia juga untuk mentadbir urusan sains, teknologi dan industri sejajar dengan Model Baru Ekonomi negara.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan pada pembukaan Mesyuarat Panel Penasihat Bio Antarabangsa (BIO-IAP) di Hotel Marriot Downtown di sini, Najib memberitahu, pelaburan yang diluluskan dalam industri berasaskan bio di Malaysia berjumlah hampir RM18 bilion (USD5,6 bilion) sejak tahun 2011, meningkat sekali ganda berbanding jumlah pelaburan yang disasarkan.

Ia merupakan kejayaan cukup bermakna dalam Dasar Bioteknologi Negara Fasa Kedua yang menyasarkan pelaburan berasaskan bio (bioekonomi) yang diluluskan bagi 2011-2015 sebanyak RM8.6 bilion (USD2.7 bilion).

